

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]

SOALAN NO. 430

Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah keputusan akhir pihak Kementerian terhadap cadangan untuk menerbitkan Bon Samurai kali kedua dan berapa jumlah dana yang disasarkan menerusi terbitan kali kedua ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Jepun dari 6 hingga 8 September 2019. Antara perkara yang diumumkan semasa lawatan tersebut adalah cadangan menerbitkan bon Samurai siri kedua dengan jaminan JBIC bagi membiayai defisit fiskal dan hutang yang mempunyai kadar kupon yang tinggi. Perkara ini juga telah diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019.
2. Kerajaan Jepun melalui JBIC telah menawarkan jaminan terhadap bon Samurai siri kedua dengan kadar kupon keseluruhan kurang daripada 0.50% berbanding 0.63% pada siri pertama. Saiz penerbitan bon Samurai siri kedua ini adalah tertakluk kepada kos pembiayaan yang ditawarkan serta keadaan pasaran kewangan global semasa dengan mengambil kira kadar tukaran mata wang asing bagi memastikan kos pinjaman adalah kompetitif dan tidak membebankan Kerajaan.